



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - TN50: TPM Bertemu Belia Islam

Utusan Malaysia - TN50: TPM Bertemu Belia Islam

Isnin, Feb 20 2017



TN50: TPM BERTEMU BELIA ISLAM

UM 20/2



**SAIFULIZAM
MOHAMAD**

rencana@utusan.com.my

IDEA pelaksanaan Transformasi Nasional 2050 (TN50) bermula dengan pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membentangkan Bajet 2017 di Dewan Rakyat pada 21 Oktober tahun lalu.

Terdapat dua fakta penting tentang TN50 yang disebut oleh Perdana Menteri dalam bajet berkenaan. Pertama, prosesnya yang akan memakan masa selama 30 tahun dengan bermatlamatkan pembentukan satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminat *excellence*.



RENTETAN kejayaan program Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 (TN50) di Universiti Malaya (UM) 19 Januari lalu, TN50 mengorak langkah seterusnya dengan mengadakan dialog bersama generasi muda Islam di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada pukul 8.30 malam ini.



generasi muda daripada pelbagai latar belakang dalam program berpaksikan akar umbi atau *bottom-up* itu pelbagai syor dan pandangan diberikan

Katanya, kerajaan perlu mendapatkan gambaran atau perspektif mereka melalui dialog yang diadakan pada malam tersebut agar TN50 kelak benar-benar bersifat inklusif tanpa menyisih sedikit pun belia dan beliawanis

dibuat. Mungkin juga Timbalan Perdana Menteri akan berkongsi pengalamannya dengan mereka lebih-lebih lagi sebagai pemimpin di saat muda hinggalah hari ini," ujarnya.

Ini sesuatu yang amat menarik katanya, kerana wacana itu memberi peluang kepada Timbalan Perdana Menteri menyantuni golongan muda Islam secara langsung dan berkomunikasi dengan mereka tanpa penglibatan pihak lain.

Menjawab satu soalan Ahmad Masrizal berkata, sememangnya golongan muda Islam ini amat diperlukan dalam program TN50 kerana kumpulan tersebut adalah generasi pemimpin masa depan negara. Oeh itu mereka perlu dibekalkan dengan ilmu dan pengalaman agar Malaysia terus stabil seperti mana sekarang.

Hakikatnya beliau berkata, bukannya mudah untuk menguruskan sebuah negara seperti Malaysia

Kedua, TN50 akan mula digerakkan dengan generasi muda pelbagai bangsa melalui wacana-wacana nasional seperti diputuskan oleh Kabinet serta dikendalikan oleh Kementerian Belia dan Sukan selain dinaungi oleh Perdana Menteri sendiri.

Melalui dua fakta tersebut jelaslah pada kita asas pembentukan serta hala tuju TN50 selepas ini. Yang penting, kerajaan terutamanya Perdana Menteri mahu generasi muda turut bersama-sama memberikan input, cadangan, syor dan pandangan untuk menjayakannya.

Tidak kurang pentingnya ialah mengenai peranan TN50 sebagai penyambung kepada Wawasan 2020 memandangkan 30 tahun akan datang sudah pasti kedudukan Malaysia pada ketika itu lebih dinamik dan mencabar.

TN50 bermula dengan program Dialog Perdana yang dirasmikan oleh Perdana Menteri di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM) pada 19 Januari lalu. Menteri Belia dan Sukan, Khairi Jamaluddin telah bertin-



AHMAD MASRIZAL MUHAMMAD

secara aktif. Tidak boleh dinafikan wacana di UM itu benar-benar menepati hasrat Perdana Menteri yang mahu generasi muda merasakan TN50 adalah milik mereka.

Rentetan daripada kejayaan tersebut, TN50 mengorak langkah seterusnya dengan mengadakan Dialog Perdana TN50. Perspektif Islam membabitkan generasi muda Islam di Dewan Tuanku Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada pukul 8.30 malam ini.

Wacana kali ini akan dikendalikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi manakala Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki bertindak sebagai moderator.

Menurut Setiausaha Politik Timbalan Perdana Menteri, Dr. Ahmad Masrizal Muhammad, wacana yang membabitkan golongan muda Islam itu sangat penting dalam usaha kerajaan mengumpul segala input serta syor yang disuarakan oleh golongan tersebut sebelum TN50

Islam serta agamawan muda.

“Wacana ini juga telah diper-setujui oleh Perdana Menteri dan kita jangkakan lebih 1,500 golongan muda Islam akan hadir dan mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang.

“Ada ulama muda, pemimpin muda, profesional muda, pemimpin pelajar, pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam, pemimpin persatuan-persatuan di universiti dan pencetus ummah,” katanya dalam satu pertemuan baru-baru ini.

Beliau berkata, penglibatan golongan muda Islam daripada berbagai-bagai latar belakang itu bertujuan menggambarkan setiap segmen belia dan beliawanis atau generasi muda Islam di Malaysia.

Beliau percaya, pada malam itu, mereka akan menyuarakan pelbagai input, cadangan, syor dan pandangan khususnya berkaitan dengan kepentingan Islam dan kedudukan umat Islam menjelang tahun 2050 apatah lagi dengan suasana negara yang sukar diramalkan.

“Timbalan Perdana Menteri akan mendengar segala input, cadangan, syor dan pandangan yang diberikan dan mungkin be-

berbanding negara-negara yang mempunyai satu kaum atau *homogeneous*. Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai agama, kaum dan budaya.

“Inilah kita mahu generasi muda Islam kita hadam dengan sifat Malaysia yang unik. Sebagai generasi muda Islam mereka bertanggungjawab menjaga negara kita yang unik ini meskipun Islam sebagai Agama bagi Persekutuan. Dengan memperlihatkan Islam yang bersifat kasih sayang, seimbang serta sederhana, saya percaya Malaysia akan terus stabil sampai bila-bila,” katanya lagi.

Katanya, inilah rahsia kestabilan, keharmonian dan keamanan negara yang dikecapi sejak merdeka walaupun wujud kepelbagaian penduduk sekaligus membantu Malaysia memacu bidang ekonominya dari semasa ke semasa.

“Pengalaman ini jugalah saya percaya akan dikongsi bersama antara Timbalan Perdana Menteri dengan adik-adik daripada golongan muda Islam. Biar mereka sedar dan nampak inilah realitinya Malaysia. Harapan kita jika menjadi pemimpin, mereka akan menjadi pemimpin yang adil dan saksama,” katanya lagi.

Pekeliling Perbendaharaan

Undian

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📞 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **15 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**